

TAHAP KEBERKESANAN ZAKAT PENDIDIKAN DARI SUDUT SOSIAL: KAJIAN DI KPBKL

Siti Nur Azzyati Binti Saharuddin
azzyati@kpbkl.edu.my

Amira Hakimah Binti Halimi
amirahakimah@kpbkl.edu.my

Nor Azatul Asya Nura Binti Mohd Zakaria
norazatulasyanura@kpbkl.edu.my

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan bantuan pendidikan terhadap pembangunan ekonomi para alumni Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). Kajian ini dijalankan terhadap 100 orang alumni yang berkelulusan daripada kursus-kursus yang ditawarkan di KPBKL seperti Diploma Pengurusan Haji dan Umrah, Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf, Diploma Pengurusan Muamalat, Diploma Pengurusan Industri Halal, LCCI, CAT dan juga program UiTM. Mereka terdiri daripada 3 asnaf berbeza iaitu fakir, miskin dan fi sabilillah yang menerima bantuan pendidikan daripada MAIWP, LZS dan lain-lain. Julat keseluruhan min ialah 3.95 dan ini menunjukkan skor min yang tinggi. Kajian mendapati bantuan pendidikan ini telah membantu mereka untuk belajar bersungguh-sungguh sekaligus meningkatkan taraf kehidupan responden. Keseluruhan kajian menunjukkan bantuan pendidikan ini telah memberikan kesan yang baik kepada responden dari sudut sosial samada ketika atau selepas pengajian.

Pengenalan

Di Malaysia, golongan yang tidak berkemampuan dan dikategorikan dalam golongan asnaf tidak dinafikan hak mereka untuk menuntut pendidikan. Golongan ini dibantu dari segi pendidikan dengan menerima bantuan zakat pendidikan oleh badan-badan tertentu. Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang menawarkan bantuan zakat pendidikan terhadap pelajarannya yang merupakan golongan asnaf. Golongan asnaf ini terdiri daripada asnaf fakir, miskin dan fisabilillah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap keberkesanan bantuan zakat pendidikan dari sudut sosial kepada penerima-penerima zakat pendidikan di KPBKL yang merupakan pelajar dari golongan asnaf.

KPBKL pada awal penubuhannya dikenali sebagai Institut Profesional Baitulmal (IPB) merupakan hasil usaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Matlamat penubuhannya adalah untuk melahirkan profesional Muslim dan

seterusnya meningkatkan taraf ekonomi umat Islam. Objektif KPBKL adalah untuk melahirkan graduan yang profesional dan bersahsiah terpuji dengan memberikan nilai tambah dalam program akademik dan kokurikulum. KPBKL juga komited melahirkan ilmuan profesional berteraskan prinsip pengurusan tauhidik dalam bidang muamalat dan ekonomi Islam. Salah satu cara untuk merealisasikan impian tersebut adalah dengan memberikan bantuan pendidikan kepada pelajar yang merupakan golongan asnaf. Bantuan pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf ini termasuklah tajaan yuran pendaftaran, elaun penginapan dan tajaan 25% yuran pengajian serta elaun sara diri berjumlah RM300 setiap bulan sepanjang pengajian di KPBKL.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji sejauh mana keberkesanan bantuan zakat pendidikan memberi impak kepada taraf sosial kehidupan penerima bantuan tersebut. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4, keberkesanan membawa maksud keadaan atau hal berkesan manakala bantuan pula bermakna apa-apa yang membantu, pertolongan. Manakala pendidikan pula adalah satu proses berterusan aktiviti sama ada secara formal atau tidak formal yang merangkumi aktiviti pengajaran, latihan, bimbingan, nilai, etika dalam pelbagai lapangan yang mana ianya berguna untuk seseorang individu, generasi, masyarakat, bangsa mahupun negara.

Antara perkara yang menjadi asas kepada kajian ini adalah laporan-laporan bantuan pendidikan yang telah disalurkan kepada ramai pelajar seluruh Malaysia daripada pelbagai syarikat dan agensi. Kajian daripada Mohd Khairul Anam Md Khairudin (2019) melaporkan bahawa agihan zakat korporat dapat membantu pelajar yang memerlukan. IIUM Endowment Fund (IEF) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menerima sumbangan zakat korporat sebanyak RM 890,330.56 daripada tiga syarikat korporat (IIUM Holding Sdn. Bhd., PLUS Malaysia Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad). Selain itu, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang Cawangan Raub juga telah menyampaikan sumbangan bantuan zakat pendidikan kepada lebih 800 orang pelajar untuk membantu para pelajar menampung perbelanjaan mereka sepanjang persekolahan dan dalam masa yang sama meringankan beban ibu bapa dalam perbelanjaan anak-anak mereka (“Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2019). Nor Afzan Mohamad Yusof (2019) melaporkan bahawa MAIWP telah menyalurkan hampir RM52 juta zakat kepada 10,847 mahasiswa dan 20,345 pelajar peringkat sekolah dengan peruntukan sebanyak RM9.5 juta pada tahun 2018. Bantuan tersebut merangkumi bantuan am pelajaran, Biasiswa Baitulmal atau Insentif Khas Pelajar Cemerlang bagi membantu pelajar dari segi wang saku, yuran pembelajaran dan buku yang menjadi keperluan pengajian. Lembaga Zakat Selangor (2018) menyatakan bahawa seramai 17 orang pelajar yang mendapat tajaan Dermasiswa Lembaga Zakat Selangor (LZS) berlepas ke Timur Tengah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian Islam. Mereka terdiri enam orang pelajar asnaf fakir dan miskin LZS serta 11 orang lagi merupakan pelajar di bawah asnaf fisabilillah dan bantuan yang diterima tersebut meliputi yuran pengajian, kos penginapan dan pengangkutan.

Selain daripada itu, kisah kejayaan asnaf yang dibantu dengan zakat pendidikan sehingga berjaya di menara gading juga mejadi asas kepada kajian ini. Satu video telah dimuat turun oleh Zakat Selangor TV (2019) yang bertajuk ‘Pelajar Tajaan Zakat Selangor Berjaya Menamatkan Pengajian Di Timur Tengah’ di mana dalam video tersebut, Mohd Yasser Abdul Ghani menyatakan bahawa seramai 28 mahasiswa dan mahasiswi tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menamatkan 6 tahun pengajian mereka dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Perubatan) dan juga Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti Timur Tengah dan telah bergraduasi dalam Majlis Graduasi di Qa'Ah El-

Qasr El-Einy University Cairo pada 16 Februari 2019. Kisah pelajar lain yang ditaja oleh LZS, iaitu Nur Fatin Aqilah Suharnizam yang merupakan pelajar Bachelor of Medicine dari National University of Ireland turut mendapat perhatian apabila video ucapan terima kasih kepada para pembayar zakat dan LZS tular di media sosial (Zakat Selangor TV, 2018).

Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Fokus kajian ini adalah mencari graduan KPBBKL, khususnya mereka daripada golongan penerima bantuan Baitulmal MAIWP untuk mengetahui sejauh mana impak bantuan pendidikan yang diberikan oleh Baitulmal MAIWP kepada taraf sosial mereka. Kajian ini diharapkan dapat memberikan kepentingan kepada pihak-pihak tertentu seperti JAWHAR, MAIN, Pusat pengendalian zakat, pembayar zakat dan masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap keberkesanan zakat pendidikan dari sudut sosial terhadap pelajar-pelajar di KPBBKL. Pemilihan sampel dibuat secara rawak menerusi populasi yang telah dikenalpasti. Populasi adalah sebahagian kecil daripada unit (Azizi Yahya et.al, 2007). Justeru itu, sampel kajian terdiri daripada 300 alumni KPBBKL yang terdiri daripada responden lelaki dan perempuan. Kesemua responden ini merupakan alumni daripada tiga program yang ditawarkan di KPBBKL, iaitu program Homegrown, Kerjasama UiTM dan Profesional serta pernah mendapat bantuan pendidikan sepanjang pengajian mereka di KPBBKL.

Dapatan kajian dikumpul menggunakan instrumen soal selidik yang diubahsuai daripada kajian Solehuddin Zulkifli, Nurmaizura Marzuki dan Hairunnizam Wahid (2017). Instrumen soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden. Maklumat demografi ini termasuklah jantina, program pengajian di KPBBKL, tahun kemasukan dan status terkini alumni, sama ada bekerja, tidak bekerja atau menyambung pengajian. Bahagian B pula merupakan konstruksi soalan berkaitan tahap keberkesanan zakat pendidikan dari sudut sosial. Bahagian B ini terdiri daripada 10 soalan yang dibina berdasarkan skala likert 3 mata, iaitu, Setuju, Sederhana dan Tidak Bersetuju. Data dianalisis menggunakan analisis nilai min menerusi *Statistical Package For Social Science (SPSS)* bagi menjawab tahap keberkesanan zakat pendidikan dari sudut sosial terhadap penerima zakat pendidikan.

Hasil Kajian

Hasil kajian yang diperolehi, mendapati seramai 300 responden telah menjawab dan memulangkan semula instrumentasi soal selidik yang telah dikemukakan. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini ialah perempuan, iaitu sebanyak 183 (61%) berbanding responden lelaki sebanyak 117 (39%). Menerusi pacahan mengikut program pula, responden daripada program Homegrown adalah penyumbang terbanyak, iaitu 216 (72%) responden. Program Homegrown merupakan responden yang terdiri daripada empat program utama di KPBBKL, iaitu Program Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU), Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW), Diploma Pengajian Muamalat (DPM) dan Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH). Program kerjasama UiTM menyumbang sebanyak 78 (26%) manakala program profesional sebanyak 6 (2%) sahaja. Data mengikut tahun kemasukan responden bagi 2017 adalah 123 (41%) responden, 2016 sebanyak 90 (30%) responden dan 2015 sebanyak 87 (29%) responden. Bagi status semasa graduan KPBBKL pula, majoriti adalah 180 (60%) merupakan graduan yang telah bekerjaya, 69 (23%) graduan yang tidak

bekerja dan 51 (17%) pula merupakan graduan yang sedang menyambung pengajian di institusi pengajian tempatan.

| Keterangan | Kekerapan | Peratus (%) |
|--|-----------|-------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 183 | 61% |
| Perempuan | 117 | 39% |
| Program | | |
| Homegrown | 216 | 72% |
| Kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 78 | 26% |
| Profesional | 6 | 2% |
| Tahun Kemasukan | | |
| 2017 | 123 | 41% |
| 2016 | 90 | 30% |
| 2015 | 87 | 29% |
| Status Semasa | | |
| Bekerja | 180 | 60% |
| Tidak bekerja | 69 | 23% |
| Sambung pengajian | 51 | 17% |

Sumber: Kajian Soal Selidik 2020

Jadual 1: Maklumat responden

Keberkesanan Agihan Zakat Pendidikan dari Sudut Sosial

Zakat pendidikan dilihat memberi kesan bukan sahaja dari sudut ekonomi bahkan juga dari sudut sosial terhadap penerima zakat tersebut. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana zakat pendidikan memberi kesan kepada sudut sosial responden. Terdapat 10 elemen yang dikaji dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan indikator keberkesanan zakat pendidikan dari aspek sosial. Nilai min dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa zakat pendidikan memberi impak terhadap aspek sosial responden. Kebanyakan nilai min berada pada purata min tinggi. Berdasarkan jadual 2, seramai 267 (89.0%) responden bersetuju menerusi item 3, iaitu “Bantuan zakat pendidikan yang diterima membantu saya belajar bersungguh-sungguh”. Responden merasakan dengan adanya bantuan zakat pendidikan, responden mendapat peluang untuk belajar bersungguh-sungguh diperingkat yang lebih tinggi. Namun begitu, terdapat seramai 4 (1.33%) responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini dapat dilihat bahawa tidak semua penerima zakat pendidikan merasakan bantuan zakat pendidikan dapat membuatkan diri mereka belajar bersungguh-sungguh. Namun, jumlah responden yang tidak bersetuju tidak besar, iaitu hanya 1.30% sahaja dan ianya

tidak sepatutnya mempengaruhi pengelola zakat dalam membuat keputusan berkaitan dengan zakat pendidikan.

Menerusi 10 elemen yang dikaji, hanya dua indikator sahaja yang berada pada tahap sederhana, iaitu “Bantuan zakat pendidikan yang diterima membantu saya untuk menyumbang dalam bentuk tenaga untuk masyarakat” dengan nilai min sederhana 3.50 dan “Bantuan zakat pendidikan yang diterima membantu saya mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik” dengan purata nilai min 3.43. Hasil kajian ini secara keseluruhannya berada pada purata min tinggi iaitu 4.07. Di mana zakat pendidikan dilihat dapat membantu para graduan dari sudut sosial. Item yang ada di dalam kajian tidak terhad kepada sudut sosial selepas tamat pengajian sahaja tetapi juga item dari sudut sosial semasa dalam pengajian.

| Item | Pernyataan Keterangan | Skala ¹ | | | Nilai Min |
|------|--|--------------------|---------------|-----------------|-----------|
| | | Tidak Setuju | Sederhana | Setuju | |
| 1 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya mengawal emosi saya sepanjang saya belajar | 7 (2.33%) | 36 (12.0%) | 257 (85.67%) | 4.20 |
| 2 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya menjadi insan yang lebih baik. | 6 (2.0) | 35 (11.67) | 259 (86.33) | 4.22 |
| 3 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya belajar bersungguh-sungguh. | 4 (1.33) | 29 (9.67) | 267 (89.0) | 4.37 |
| 4 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya mengukuhkan institusi keluarga saya lebih stabil dan harmoni. | 12 (4.0) | 29 (9.67) | 267 (89.0) | 4.30 |
| 5 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya membina keyakinan diri saya sepanjang saya belajar. | 8 (2.67) | 42 (14.0) | 250 (83.33) | 4.22 |
| 6 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. | 52 (17.33) | 126 (42.0) | 122 (40.67) | 3.43 |
| 7 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya untuk menyumbang kembali dalam bentuk wang untuk masyarakat. | 12 (4.0) | 46 (15.33) | 242 (80.67) | 4.15 |
| 8 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya untuk menyumbang dalam bentuk tenaga untuk masyarakat. | 9 (3.0) | 139 (46.3) | 152 (50.7) | 3.50 |
| 9 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima membantu saya mendapatkan peluang pembelajaran diperingkat yang lebih tinggi. | 9 (3.0) | 34 (11.33) | 256 (85.33) | 4.19 |
| 10 | Bantuan Zakat Pendidikan yang diterima dapat membantu saya meningkatkan taraf kehidupan saya selepas saya tamat belajar. | 19 (6.33) | 39 (13.0) | 242 (80.67) | 4.07 |

Nota: () nilai peratusan dari keseluruhan

¹ berdasarkan nilai skala 1 = sangat tidak setuju hingga skala 5 = sangat setuju

Sumber: Kajian soalselidik 2020

Jadual 2: Tahap Keberkesanan dari Sudut Sosial

KESIMPULAN

Zakat pendidikan sememangnya memberi kesan positif kepada penerimanya baik dari sudut ekonomi dan sosial. Sudut sosial dari segi sudut dalaman pelajar jarang dilihat sebagai salah satu kesan positif kepada penerima zakat pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa penerima zakat pendidikan bukan sahaja dapat membentuk dalaman diri yang baik semasa pengajian (pengawalan emosi, kesungguhan belajar, keyakinan diri dan insan positif) tetapi juga dalam masa yang sama zakat pendidikan memberi kesan jangka panjang dari sudut sosial selepas tamat pengajian (menyumbang tenaga, wang dan meningkatkan keharmonian keluarga dan kesihatan).

Di KPBKL sendiri zakat pendidikan diberikan kepada golongan asnaf fakir, miskin dan fisabilillah. Pengkaji mendapati ianya membawa kesan positif di dalam diri penerima zakat pendidikan. Penerima zakat pendidikan dilihat lebih berdaya saing dan cemerlang sepanjang tempoh belajar di KPBKL. Malahan ada juga di antara penerima zakat pendidikan meneruskan pegajian diperingkat yang lebih tinggi seperti peringkat sarjana muda selepas tamat pengajian di KPBKL.

Bantuan zakat pendidikan diharapkan akan terus menjadi kekuatan kepada anak-anak asnaf di luar sana untuk meneruskan pengajian di peringkat tertinggi. Ini kerana dengan adanya pendidikan, mereka bukan sahaja dapat merubah kehidupan mereka tetapi kehidupan keluarga mereka dan keluar dari kepompong asnaf dengan menjadikan pendidikan sebagai laluan untuk mereka merubah kehidupan mereka. Bantuan zakat terutamanya zakat pendidikan perlulah diteruskan agar peluang anak-anak asnaf ini menyambung pelajaran di peringkat tertinggi sentiasa terbuka dan berterusan. Ia turut membantu anak-anak asnaf ini dalam mendapatkan peluang pendidikan yang sama rata seperti rakan sebaya mereka yang lain.

Rujukan

Buku

- Azizi Yahya et.al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Muhammad Haffiz Muhammad Isa & Hairunnizam Wahid. 2017. Dana Zakat untuk Pembiayaan Pendidikan: Tinjauan Kecenderungan Pemilihan Aliran Pendidikan dalam Kalangan Asnaf Mualaf di Malaysia. *Prosiding PERKEM 2017 (Persidangan Ekonomo Malaysia Ke-12)*, hlm. 95-107.
- Solehuddin Zulifli, Nurmaizura Marzuki & Hairunnizam Wahid. 2017. Keberkesanan Bantuan Modal Zakat daripada Perspektif Penerima: Kajian di Daerah Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. *Prosiding PERKEM 2017 (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-12)*, hlm. 119-130.
- Nor Farahain Saud dan Hasanah Abd. Khafidz. (2018). Persepsi Pelajar Institut Profesional Baitulmal Terhadap Permohonan Bantuan Zakat Pendidikan MAIWP. Vol. 6, No. 2. *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Laman Sesawang

Lembaga Zakat Selangor, (2018). 17 Pelajar Dermasiswa Tajaan LZS

Lanjut Pengajian ke Timur Tengah. [Online]:

<https://www.zakatselangor.com.my/terkini/17-pelajar-dermasiswa-tajaan-lzs-lanjut-pengajian-ke-timur-tengah/> (akses pada 16 April 2018)

Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, (2019), Bantuan

Zakat Pendidikan Untuk Perbelanjaan Persekolahan. [Online]

<https://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/?p=8842> (akses pada 22 Mac 2019)

Mohd Khairul Anam Md Khairudin, (2019), Agihan Zakat Korporat Bantu

Pelajar Memerlukan. *BH Online*. [Online]:

<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/05/569310/agihan-zakat-korporat-bantu-pelajar-memerlukan> (akses pada 29 Mei 2019)

Nor Afzan Mohamad Yusof, (2019), MAIWP salur RM52 juta zakat

bantu 10,847 mahasiswa. *BH Online*. [Online]:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/543477/maiwp-salur-rm52-juta-zakat-bantu-10847-mahasiswa> (akses pada 30 Mac 2019)

Zakat Selangor TV, (2018), Pelajar tajaan Zakat Selangor ke Ireland

[Video]. YouTube. [Online]:

<https://www.youtube.com/watch?v=IUCHwecGro0&feature=youtu.be> (akses pada 17 September 2018)

Zakat Selangor TV, (2019), Pelajar Tajaan Zakat Selangor Berjaya

Menamatkan Pengajian Di Timur Tengah. [Video]. YouTube. [Online]:

<https://www.youtube.com/watch?v=PvvAoS-UqP8&feature=youtu.be> (akses [ada 5 Mac 2019)